

Kerajaan tidak mahu mereka terus diselewengkan oleh 'orang politik'

PM: Dekati guru, pelajar

UM 17 MAY 2000

Oleh AHMAD NAZRI HASHIM
dan ZAINAH NORDIN

POH 16 Mei — Kerajaan akan mendekati guru dan pelajar bagi mengelakkan mereka daripada terus diselewengkan oleh 'orang politik' dengan cara memberi penerangan dan mengetahui masalah mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bimbang jika tindakan drastik tidak diambil, guru-guru akan terus menggadaikan masa depan pelajar dengan menyemai budaya buruk akibat dihasut oleh golongan tersebut.

"Kita perlu berhubung dengan guru-guru ini untuk mengetahui apa masalah mereka. Apa sebabnya mereka sanggup gadaikan masa depan anak-anak kita kerana marah terhadap sesuatu," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2000 di sini, hari ini.

Perayaan Hari Guru itu yang bertemakan *Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan* yang diadakan buat pertama kali di Perak, dihadiri oleh 1,300 orang guru dari seluruh negara.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali.

● Empat elemen angkat
martabat guru — Muka 2

Perdana Menteri berkata, golongan berkepentingan politik yang sepatutnya dipersalahkan kerana menghasut guru dan pelajar.

Oleh sebab itu katanya kerajaan tidak hendak mendera atau mengambil tindakan disiplin ke atas guru-guru terbabit melainkan jika mereka melakukan sesuatu yang buruk sangat.

Mengenai dialog dengan semua guru, beliau berkata: "Kita boleh dan akan cuba berhubung dengan seberapa banyak guru tetapi kita mempunyai hampir 300,000 guru. Jadi di peringkat saya nak jumpa semua tak upaya, tapi setakat yang boleh kita akan bertemu dengan pemimpin-pemimpin guru dan guru-guru tertentu."

Beliau berkata, kerajaan mahu guru menjadi profesional iaitu menjalankan tugas mereka tanpa mengambil apa-apa masalah kepentingan diri bagi melahirkan generasi akan datang yang baik.

"Guru-guru tidak ada masalah dengan kerajaan. Kita beri layanan yang cukup baik sehinggakan mereka yang tidak ada jawatan pun kita bagi gaji... (tetapi masih) marah, apa lagi kita nak buat."

"Guru-guru diberi layanan baik tetapi ada orang politik datang dan menghasut guru-guru terbabit supaya menyemai nilai-nilai yang buruk supaya apabila pelajar-pelajar membesar esok, akan menyokong mereka dan mereka mendapat

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM: Dekati guru, pelajar

UM 17 MAY 2000

keuntungan politik. Ini menuntut apabila besar su-paya memihak kepada mereka.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengadakan dialog dengan guru-guru yang menentang kerajaan di peringkat daerah, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan cuba berhubung dengan seberapa banyak guru yang boleh.

Dr. Mahathir berkata, beliau akan bertemu dengan para pemimpin guru termasuk pemimpin CUEPACS dan akan cuba berhubung dengan seberapa banyak guru yang ada.

Beliau berkata, parti pemerintah juga terpaksa mengadakan perjumpaan dengan pelajar dan penuntut universiti yang telah dihasut dan diselewengkan oleh golongan berkepentingan politik itu bagi membentuk keadaan.

"Dulu kita berpendapat bahawa kita tidak harus ganggu penuntut-penuntut di sekolah dan universiti, malangnya ada pihak-pihak tertentu yang tidak menghormati kepentingan pelajaran penuntut-penuntut, menghasut pe-

"Kerajaan tidak ber-cadang untuk mengganggu penuntut walaupun kita mempunyai kuasa yang boleh digunakan untuk kepentingan kerajaan," katanya.

Menurut beliau, kerajaan berpendapat oleh kerana mereka diselewengkan, kerajaan dan parti pemerintah terpaksa mengadakan hubungan dengan penuntut untuk memberi penjelasan.

Katanya, pihak terbabit sanggup menghasut penuntut untuk bergiat dalam politik secara langsung termasuk menjadi perayu undi, menyebarkan fitnah dan mengadakan demonstrasi.

Beliau berkata, langkah kerajaan bukan untuk berkempen tetapi cuma member-i penjelasan supaya mereka tidak terpengaruh dengan fitnah dan pembohongan oleh pihak tertentu.